

Hudud: UMNO tolak hasrat Pas untuk bermuzakarah

JUN 2002

KUALA LUMPUR 21 Jun - UMNO menolak hasrat kerajaan Pas Terengganu untuk bermuzakarah berhubung Rang Undang-undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) kerana menganggap undang-undang tersebut hanyalah permainan politik parti pembangkang berkenaan.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan atau UMNO tidak berhasrat untuk berbincang mengenai undang-undang itu yang hanya bertujuan untuk memperdayakan orang Melayu.

"Kita tidak mahu bincang...ini perkara (undang-undang hudud) adalah dia (Pas) punya politik. Dia hendak perdaya orang Melayu untuk kepentingan politik Pas," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar di hari kedua Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Besar Terengganu, Datuk Abdul Hadi Awang semalam yang menyatakan kerajaan negeri itu bersedia untuk bermuzakarah dengan Biro Agama UMNO berhubung Rang Undang-undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas).

Ditanya mengenai kenyataan Abdul Hadi yang meminta UMNO menunjukkan bahagian mana dalam undang-undang itu yang bercanggah dengan Islam, Dr. Mahathir berkata,

UMNO sudah berkali-kali berbuat demikian.

"Undang-undang Islam tidak boleh tidak adil, dalam Islam segala undang-undang Islam mestilah adil, tetapi undang-undang (hudud) Pas hendak mendera orang yang jadi mangsa.

"Kalau kamu kena samun...kamu yang masuk pen-

gara...penyamun terlepas, itulah undang-undang Pas, sebab itu tak sama dengan undang-undang Islam," katanya.

Beliau berkata, Pas seharusnya tidak perlu mewujudkan undang-undang hudud mereka kerana dalam al-Quran sudah dijelaskan bahawa setiap hukuman tersebut harus dilaksanakan secara adil.

"Dia tak payah buat undang-undang macam itu. Dalam al-Quran sudah diterangkan berkali-kali bila kamu hukum, hukumlah secara adil. Saya nak tahu kalau Hadi kena samun, kita tangkap Hadi masuk penjara. Dia mahu?" tanya Dr. Mahathir.

Ditanya mengenai gesaan seorang wakil Badan Perhubung-

an UMNO Negeri Sembilan yang mahu kerajaan mempercepatkan tindakan mengambil alih tadika yang di bawah pentadbiran Pas, Dr. Mahathir berkata, langkah itu akan dilakukan.

"Ini kerana kita dapati tadika itu tidak diuruskan dengan baik, mereka bukannya memberi pelajaran sebenar tetapi menjadikannya sebagai tempat untuk menanam nilai-nilai kebencian kepada orang lain," katanya.

Hubungan

Dr. Mahathir juga menegaskan, walaupun pemimpin Pas tidak terlibat dalam menghantar generasi mudanya belajar di Pakistan dan Afghanistan tetapi mereka turut 'mempunyai hubungan' dalam menyumbang hasrat kelompok berkenaan untuk menjatuhkan kerajaan secara kekerasan.

Beliau berkata, kerajaan tidak menuduh pemimpin Pas terlibat secara langsung dalam penghantaran pelajar itu tetapi sikap mereka yang sering mendesak untuk mendirikan negara Islam telah mempengaruhi generasi muda berkenaan.

"Oleh kerana generasi muda Pas berpendapat melalui demokrasi tak mungkin menang maka dengan itu mereka sendiri buat keputusan belajar untuk guna keganasan dirikan negara Islam," katanya.